

13 MAR, 2022

Vaksinasi penggalak pekerja kilang

Kosmo Ahad, Malaysia

Page 1 of 2

Libatkan dua juta pekerja perkilangan, pembuatan **Vaksinasi penggalak pekerja kilang**

Oleh ROHANA MOHD. NAWI

KOTA BHARU - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk melaksanakan program vaksinasi dos penggalak Covid-19 kepada hampir dua juta pekerja dalam sektor perkilangan dan pembuatan di negara ini.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, langkah itu merupakan salah satu usaha memastikan kesihatan rakyat apabila sempadan negara dibuka pada 1 April depan.

"Pekerja sektor perkilangan dan pembuatan merupakan antara tulang belakang kemajuan ekonomi negara."

"Sehubungan dengan itu, saya percaya sektor ini boleh membantu kejayaan kerajaan terutamanya dalam program vaksinasi dos penggalak Covid-19.



AZMIN ALI

"Selain itu, ia dapat memastikan keadaan lebih selamat apabila sempadan negara dibuka bermula 1 April depan," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Pecah Tanah Rohm-Wako Electronics (Malaysia) Sdn. Bhd. di Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa di sini semalam.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob dan Presiden Rohm-Wako Electronics Malaysia

Sdn. Bhd., Hideki Hasmimoto.

Dalam pada itu, mengulas lanjut, Azmin memberitahu, pembukaan sempadan negara merupakan satu keputusan yang besar yang perlu dilakukan oleh kerajaan walaupun akan mengambil masa.

Menurutnya, ia merupakan perkara yang dinantikan oleh peniaga sekali gus akan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

"Pembukaan sempadan negara ada asasnya apabila lebih 90 peratus rakyat di negara sudah lengkap dos vaksin Covid-19.

"Keadaan ketika ini dilihat selamat selain pengawalan penularan Omicron dan penggunaan katil di wad unit rawatan rapi (ICU) di semua negeri juga didapati amat rendah.

"Ini membuktikan bahawa sistem kesihatan awam terkawal dan kerajaan boleh menguasai selain menguruskan keadaan ketika ini dengan lebih bertanggungjawab," jelasnya.



KERAJAAN akan mewujudkan program vaksinasi dos penggalak ke atas pekerja sektor perkilangan dan pembuatan selaras usaha mengekang penularan wabak Covid-19, di negara ini. – GAMBAR HIASAN



13 MAR, 2022

Vaksinasi penggalak pekerja kilang

Kosmo Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Libatkan dua juta pekerja perkilangan, pembuatan KOTA BHARU - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk melaksanakan program vaksinasi dos penggalak Covid-19 kepada hampir dua juta pekerja dalam sektor perkilangan dan pembuatan di negara ini.